

Newspaper	Kosmo
Date	30/11/2012

KOSMO 30/11/12

Dr. Mahathir sifatkan ucapan Najib fantastik

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) menyifatkan ucapan dasar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Perhimpunan Agung UMNO 2012 semalam sebagai yang terbaik kerana telah menjawab segala tohmahan dan fitnah yang dibuat parti pembangkang selama ini.



"Ia satu ucapan yang fantastik, sangat bagus kerana ia meliputi semua aspek," kata Dr. Mahathir ketika ditemui selepas majlis perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2012 di Dewan Merdeka, PWTC semalam.

Bekas Presiden UMNO itu juga menyedari semangat dalam perhimpunan kali ini lebih hebat.

"Saya kagum dengan semangat semua perwakilan terutamanya ketika Presiden parti (Najib) berucap," katanya.